



Musim Monsun Barat Daya antara Jun hingga Ogos akan meningkatkan curahan hujan di kawasan pantai barat Semenanjung.

Punca hujan berlebihan sekitar Lembah Klang

Kuala Lumpur: Keadaan hujan berlebihan sejak kebelakangan ini, khususnya di Lembah Klang adalah disebabkan oleh kesan fenomena Ayunan Madden-Julian (MJO), kata pakar.

Pakar Klimatologi dan Oseanografi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Fredolin Tangang, berkata negara kini berada dalam musim Monsun Barat Daya dan sepatutnya cuaca sepanjang bulan ini adalah panas dan kering.

“Fenomena MJO adalah sebahagian dari keragaman iklim antara musim di kawasan tropika yang berayun dengan kekerapan sekali dalam 20 hingga 60 hari yang berlaku dalam lapan fasa.

“MJO berlaku akibat interaksi lautan dan atmosfera menyebabkan kemunculan sistem perolakan atmosfera berskala besar di bahagian barat Lautan Hindi yang bergerak ke timur Lautan Pasifik merentasi kawasan Malaysia dan Indonesia,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas berhubung keadaan hujan berlebihan yang dialami kawasan sekitar Lembah Klang pada lewat petang, termasuk

fenomena ribut petir luar biasa.

Monsun Barat Daya tingkat curahan hujan

Dalam pada itu, Fredolin berkata, melalui kajian yang dilakukan, musim Monsun Barat Daya antara Jun hingga Ogos akan meningkatkan curahan hujan di kawasan pantai barat Semenanjung berbanding di kawasan pantai timur.

Beliau berkata, berdasarkan laporan Pusat Ramalan Iklim Pentadbiran Lautan dan Atmosfera Kebangsaan (NOAA) Amerika Syarikat, MJO muncul di Lautan Hindi dengan peningkatan perolakan atmosfera berskala besar pada minggu pertama bulan ini dan kini berada dalam Fasa 3.

“Keadaan ini menyebabkan curahan kadar hujan tinggi dialami ketika ini menyamai keadaan pada April hingga Mei dengan kawasan pantai barat Semenanjung biasanya mengalami hujan pada sebelah petang hingga lewat malam. Bagaimanapun, keadaan ini hanya akan bertahan dalam masa satu hingga dua minggu lagi,” katanya.